

**Pembinaan KLIA2 Berjalan Seperti Yang Dijadualkan
Bernama
5 Mac, 2012**

SEPANG, 5 Mac (Bernama) -- Terminal penerbangan tambang rendah yang baharu, KL International Airport 2 (KLIA 2), dengan kapasiti untuk menampung 45 juta penumpang setiap tahun, telah hampir separuh jalan siap dan berjalan mengikut jadual, kata pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Tan Sri Bashir Ahmad Isnin.

Beliau berkata kerja-kerja di KLIA 2 yang berkeluasan 257,000 meter persegi, yang dijadual siap pada April tahun depan, bermula pada Oktober 2009.

Kos LCCT itu ialah antara RM3.6 bilion dan RM3.9 bilion, kata beliau dalam persidangan akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha menghadiri taklimat mengenai projek berkenaan bersama-sama Bashir dan para pegawai kanan di ibu pejabat MAHB sebelum melawat tapak KLIA di sini.

Bashir berkata MAHB dijangka mengalu-alukan lebih banyak syarikat kapal terbang kos rendah ke KLIA 2 sebaik sahaja terminal itu siap. "Pada masa ini, pengendali terbesar di KLIA 2 ialah AirAsia."

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650065>